Syarikat menghargai dialog dengan kedua-dua pemegang pemegang saham institusi dan pelabur persendirian dan memahami bahawa penyebaran maklumat relevan secara saksama dan tepat pada masa hendaklah diberikan kepada mereka. Oleh itu, Syarikat mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai pendedahan sepenuhnya.

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum dialog penting bersama pemegang saham. Pemegang saham diberitahu mengenai mesyuarat dan diberikan senaskah Laporan Tahunan Syarikat, 21 hari sebelum mesyuarat. Di setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah memaklumkan tentang kemajuan dan prestasi Syarikat seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat dan pemegang saham digalakkan untuk mengambil bahagian dan diberi peluang untuk bertanya bagi mendapatkan lebih banyak maklumat. Tiada batas waktu atau jenis soalan yang boleh ditanya, sebelum mendapat persetujuan secara mengangkat tangan daripada ahli dan proksi, berkaitan dengan akaun beraudit.

Semasa mesyuarat, Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah akan menjawab semua pertanyaan dan berusaha memberi penjelasan secukupnya berkaitan isu-isu dan hal-hal yang ditimbulkan oleh pemegang saham. Juruaudit luaran juga hadir untuk memberikan penjelasan profesional dan bebas mengenai isu-isu dan hal-hal yang ditimbulkan oleh pemegang saham. Status semua resolusi yang dicadangkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan diserahkan kepada BSKL pada penghujung hari mesyuarat diadakan. Ringkasan perbincangan yang diadakan pada Mesyuarat Agung Tahunan disimpan oleh pihak Pengurusan untuk rujukan masa hadapan.

Lembaga Pengarah telah memastikan bahawa setiap butiran perniagaan khas yang termasuk dalam notis Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa disertai dengan penjelasan yang lengkap mengenai kesan sesuatu resolusi yang dicadangkan.

The Management believes that shareholders, by having a better understanding of the Group's activities, will enhance their sense of belonging to the Company. Such two way communication increases corporate transparency of activities and helps to create a more stable shareholder base as shareholders are more willing to maintain their shareholding and take a longer term view of their investment as they have a better understanding of the corporate strategy.

While the Company endeavours to provide as much information as possible to its shareholders and stakeholders, it must also be wary of the legal and regulatory framework governing the release of material and price-sensitive information. All corporate disclosures takes into account the prevailing legislative restrictions and requirements as well as the investors' needs for timely release of price-sensitive information such as financial performance results and statements, material acquisitions, significant corporate proposals as well as other significant corporate events. In all circumstances, the Group is cautious not to provide undisclosed material information about the Group and continually stresses on the importance of timely and equal dissemination of information to shareholders and stakeholders.

## **Accountability and Audit**

### **1. Financial Reporting**

The Board aims to present a balanced and meaningful assessment of the Group's position and prospects, primarily through the annual financial statements, quarterly and half yearly announcement of results to the shareholders as well as the Chairman's statement and review of operations in the Annual Report. The Board is assisted by the Board Audit Committee to oversee the Group's financial reporting processes and the quality of its financial reporting.

The directors' responsibility statement is enclosed in page 41 of the Annual Report.

### **2. Internal Control**

The Board continues to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investment and the Group's assets. This principle is further elaborated under Statement on Internal Control by the Directors in pages 43 to 47 of the Annual Report.

Perbincangan juga telah diadakan dari masa ke semasa di antara Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Syarikat bersama juru analisa dan pelabur-pelabur di sepanjang tahun. Namun begitu sesuatu maklumat yang diberikan adalah tidak melebihi keperluan pendedahan BSKL. Syarikat juga mempunyai dan menyelenggara laman web ([www.mymesra.com.my](http://www.mymesra.com.my)) yang mana melaluiinya pemegang saham dan orang ramai boleh layari, membuat pertanyaan dan mendapatkan maklumat mengenai berbagai kegiatan Syarikat. Selanjutnya, Pusat Khidmat Pelanggan telah ditubuhkan sebagai cara pelanggan dan masyarakat umum untuk berkomunikasi dengan Syarikat melalui telefon, faksimili atau e-mail ([mesralink@petronas.com.my](mailto:mesralink@petronas.com.my)).

Pihak Pengurusan percaya bahawa pemegang saham, dengan mempunyai kefahaman yang lebih mengenai kegiatan Syarikat, akan meningkatkan lagi perasaan kekitaan terhadap Syarikat. Komunikasi dua hala sebegini dapat meningkatkan ketelusan kegiatan korporat dan membantu mewujudkan asas pemegang saham yang lebih stabil kerana mereka akan lebih bersedia mengekalkan pegangan saham mereka sebagai pelaburan jangka panjang setelah lebih memahami strategi-strategi korporat Syarikat.

Walaupun Syarikat berusaha untuk memberi seberapa banyak maklumat yang mungkin kepada semua pemegang saham dan pihak-pihak yang berkepentingan, Syarikat terpaksa berhati-hati terhadap keperluan rangkakerja undang-undang dan peraturan yang mengawal pelepasan bahan dan maklumat yang peka harga. Kesemua pendedahan korporat mengambil kira peruntukan sekatan dan keperluan undang-undang yang berkuatkuasa serta keperluan pelabur untuk pendedahan maklumat yang peka harga tepat pada masanya seperti keputusan dan penyataan pencapaian kewangan, pemerolehan yang banyak, cadangan korporat yang penting serta lain-lain aturcara penting korporat. Dalam semua hal, Syarikat mengambil sikap berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat sulit mengenai Syarikat dan sentiasa menekankan tentang pentingnya penyebaran maklumat yang sama dan tepat pada masanya kepada pemegang saham dan lain-lain pihak berkepentingan.

### **3. Relationship with the Auditors**

The external auditors, Messrs. KPMG Desa Megat & Co., have continued to report to members of the Company on their opinion which are included as part of the Group's financial reports with respect to their audit on each year's statutory financial statements. In so doing, the Company has established a transparent arrangement with the auditors to meet the auditors' professional requirements. From time to time, the auditors highlight to the Board Audit Committee and Board of Directors on matters that require the Board's attention.

A summary of the activities of the Board Audit Committee during the year, including the evaluation of independent audit process, are set out in the Board Audit Committee's Report on pages 28 to 31 of the Annual Report.

### **Statement of Directors Responsibility in Relation to the Financial Statements**

The financial statements as set out on pages 122 to 152 of the Group, are properly drawn up so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Group as at 31 March 2002 and of the results of its operations and cash flows for the year ended on that date.

The directors consider that in preparing the financial statements:-

- the Group has used appropriate accounting policies and are consistently applied;
- reasonable and prudent judgements and estimates were made; and
- all applicable approved accounting standards in Malaysia have been followed.

The directors are also responsible for ensuring that the accounting and other records and registers required by the Companies Act, 1965 to be kept by the Group have been properly kept in accordance with the provisions of the said Act.

The directors also have general responsibilities for taking such steps that are reasonably available to them to safeguard the assets of the Group, and to prevent and detect fraud and other irregularities.

## Kebertanggungjawaban dan Audit

### 1. Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan dapat difahami berkaitan kedudukan dan prospek Syarikat terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahun dan setengah tahun kepada pemegang saham serta penyataan dan kajian operasi Pengerusi di dalam Laporan Tahunan. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses dan mutu laporan kewangan Syarikat.

Penyataan tanggungjawab Pengarah dilampirkan di halaman 42 Laporan Tahunan.

### 2. Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah terus mengekalkan sistem kawalan dalam yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Syarikat. Prinsip ini dijelaskan dengan lebih lanjut di bawah Penyataan Kawalan Dalaman oleh Pengarah di halaman 43 hingga 47 Laporan Tahunan.

### 3. Hubungan dengan Juruaudit

Juruaudit luar, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah melaporkan pendapat mereka secara berterusan kepada pemegang saham Syarikat yang dijadikan sebahagian daripada laporan kewangan Syarikat berkaitan dengan pengauditan mereka dalam penyataan kewangan berkanun setiap tahun. Dengan berbuat demikian, Syarikat telah mewujudkan ketelusan urusan dengan juruaudit untuk memenuhi keperluan profesional juruaudit. Dari masa ke semasa, juruaudit akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Lembaga Pengarah.

Ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di sepanjang tahun, termasuk penilaian terhadap proses audit bebas, adalah seperti yang disertakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di halaman 28 hingga 31 Laporan Tahunan.

### Penyataan Tanggungjawab Berhubung dengan Penyata Kewangan Oleh Pengarah-Pengarah

Penyata kewangan syarikat yang dibentangkan di halaman 90 hingga 120 telah dirangka dengan berhati-hati untuk memberikan gambaran yang benar dan adil mengenai urusan Syarikat setakat 31 Mac 2002 dan keputusan operasi dan aliran tunai Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Para Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan ini :-

- Syarikat telah menggunakan polisi perakaunan yang sesuai dan telah digunakan secara menyeluruh;
- anggaran dan pertimbangan yang munasabah dan cermat telah dibuat; dan
- semua piawaian perakaunan yang diluluskan dan berkaitan di Malaysia telah diikuti.

Para Pengarah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar yang sepatutnya disimpan oleh Syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965 telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta tersebut.

Pengarah-Pengarah juga mempunyai tanggungjawab am untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menjaga aset-aset Syarikat untuk mencegah dan mengesan penipuan dan lain-lain perkara yang tidak mengikut peraturan.

## *Pernyataan Kawalan Dalaman*

### **Pengenalan**

Perenggan 15.27(b) Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (“Keperluan Penyenaraian BSKL”) menetapkan Lembaga Pengarah bagi syarikat awam yang tersenarai untuk memasukkan di dalam Laporan Tahunannya suatu “penyataan mengenai status kawalan dalaman syarikat tersebut sebagai sebuah kumpulan”. Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh di seluruh Kumpulan dan tidak mempunyai masalah untuk mengeluarkan kenyataan seterusnya yang mengandungi skop kawalan dalaman Kumpulan sepanjang tahun yang dikaji.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk perlaksanaan kawalan dan rangka kerja yang sesuai sambil mengkaji kelengkapan dan keutuhan sistem tersebut. Memandangkan terdapatnya sekatan atau masalah yang sentiasa wujud di dalam sebarang kawalan dalaman, sistem ini telah digubah untuk mengurus dan bukan untuk menghapuskan segala risiko yang boleh membawa kegagalan dalam mencapai objektif-objektif korporat. Sehubungan dengan itu, ia hanya boleh memberi keyakinan yang munasabah dan bukan jaminan sepenuhnya terhadap kerugian atau salah kenyataan yang besar. Sistem kawalan dalaman meliputi antara lain pengurusan risiko dan kawalan kewangan, operasi, organisasi dan kepatuhan.

Berikut dengan Penyata Kawalan Dalaman: Petunjuk untuk Pengarah bagi Syarikat Awam Yang Tersenarai (“Petunjuk Kawalan Dalaman”), Lembaga Pengarah telah memastikan bahawa terdapat satu proses mengenalpasti, menganalisa dan mengurus risiko yang dihadapi oleh Kumpulan yang telah berjalan sepanjang tahun hingga ke tarikh kelulusan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan dan proses ini sentiasa dikaji semula oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Petunjuk Kawalan Dalaman.

### **Rangka kerja Semasa Pengurusan Risiko**

Sistem kawalan dalaman yang sesuai telah dilaksanakan untuk memantau, mengurus dan mengawal risiko dengan tujuan untuk memastikan daya maju Kumpulan pada jangka masa panjang. Kawalan dalaman ini telah diterap di dalam operasi Kumpulan dan menjadi sebahagian daripada budaya Kumpulan.

## *Statement On Internal Control*

### **Introduction**

Paragraph 15.27 (b) of the Kuala Lumpur Stock Exchange Listing Requirements (“KLSE Listing Requirements”) requires the Board of Directors of public listed companies to include in its Annual Report a “statement about the state of internal control of the listed issuer as a group”. The Board is committed to maintaining a sound system of internal control throughout the Group and is pleased to provide the following statement which outlines the nature and scope of internal control of the Group during the year in review.

### **Board Responsibility**

The Board is ultimately responsible for the Group’s system of internal control which includes the establishment of an appropriate control environment and framework as well as reviewing its adequacy and integrity. In view of the limitations that are inherent in any system of internal control, this system is designed to manage, rather than eliminate, the risk of failure to achieve corporate objectives. Accordingly, it can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss. The system of internal control covers, inter alia, risk management and financial, organisational, operational and compliance controls.

Following the issuance of the Statement on Internal Control : Guidance for Directors of Public Listed Companies (“the Internal Control Guidance”), the Board confirms that there is an ongoing process for identifying, evaluating and managing significant risks faced by the Group that has been in place for the year and up to the date of approval of the Annual Report and financial statements, and that this process is regularly reviewed by the Board and it accords with the Internal Control Guidance.

### **Current Risk Management Framework**

Appropriate systems of internal control have been implemented to monitor, manage and control the risks with a view to the long term viability of the Group. The internal control is embedded in the operations of the Group and forms part of its culture.

## **Maju ke Hadapan**

Berbekalkan pengalaman yang diperolehi daripada syarikat induk, PETRONAS, satu kajian yang lengkap dan mendalam terhadap rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada telah dijalankan oleh Bahagian Audit Dalaman, Kumpulan PETRONAS dan Unit Pengurusan Risiko Korporat PETRONAS. Ini adalah bertujuan untuk melaksanakan secara formal fungsi pengurusan risiko di semua bahagian Kumpulan PDB.

Formalisasi penggabungan rangka kerja risiko pengurusan yang telah dijalankan sepanjang tahun meliputi usaha-usaha seperti berikut :-

- (i) Pada Januari 2002, satu bengkel kerja mengenai Profil Risiko telah dikendalikan oleh Unit Pengurusan Risiko Korporat PETRONAS dan dihadiri oleh pihak pengurusan kanan dengan objektif untuk mencari dan mengenalpasti risiko dan pelan pengurusan untuk menguruskan risiko tersebut. Kumpulan risiko utama telah dikenalpasti di dalam bahagian-bahagian utama perniagaan dan operasi Kumpulan. Risiko utama untuk setiap bahagian perniagaan dan unit sokongan (selari dengan objektif strategik Kumpulan) telah dikenalpasti dan direkod untuk kebarangkalian kekerapan dan akibat. Satu rekod data untuk risiko yang telah dikenalpasti dan kawalan sedang digabungkan di mana maklumat yang diperolehi akan ditapis untuk menghasilkan satu daftar risiko, dan profil risiko individu bagi kumpulan risiko utama.
  
- (ii) Laporan Profil Risiko telah pun dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan pada 23 Mei 2002. Laporan tersebut akan berfungsi sebagai asas kepada perlaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko untuk Kumpulan.

Langkah seterusnya di dalam gabungan Rangka Kerja Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:-

- (i) Formalisasi Polisi Pengurusan Risiko;
  
- (ii) Kajian yang berterusan terhadap proses pengurusan risiko oleh Lembaga Pengarah yang meliputi agenda bersangkutan dengan risiko besar yang boleh menghalang objektif perniagaan;

## **Moving Forward**

Capitalising on the experience from the holding company, PETRONAS, a comprehensive and in-depth review of the existing risk management framework was undertaken with PETRONAS Group Internal Audit Division and PETRONAS' Corporate Risk Management Unit ("CRMU"). This was done with a view of formalising the risk management function across the PDB Group.

The formalisation of the consolidated risk management framework involved the following initiatives, which were undertaken during the year:-

- i) In January 2002, a workshop on Risk Profiling was conducted by CRMU and attended by senior management with an objective to identify present and potential key risks and management action plans in managing the risk. Major risks groups have been identified within the major business lines and operations of the Group. Key risks to each business divisions' and support units' objectives (aligned with the Group strategic objectives), are identified and scored for likelihood of occurrence and magnitude of impact. A database of all identified risks and controls is being consolidated, and the information will be filtered to produce a detailed risk register, and individual risk profiles for the major risk groups.
  
- ii) The Risk Profiling Report was presented to the Board for deliberation on 23 May 2002. The said Report shall serve as the building block in formalising the Risk Management Framework for the Group.

The next steps in the consolidated Risk Management Framework are as follows:

- i) Formalisation of the Risk Management Policy;
  
- ii) Regular review of the risk management process by the Board, which includes on its agenda matters relating to significant risks that may impede business objectives;

- (iii) Pengendalian bengkel kerja seterusnya di peringkat pekerja untuk melengkapkan gabungan profil risiko bagi Kumpulan yang mana bersama-sama dengan ringkasan penemuan utama akan dibincangkan oleh pihak Pengurusan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah;
  - (iv) Penerapan selanjutnya bagi menghasilkan suatu proses risiko pengurusan yang teratur dan formal di dalam budaya Kumpulan. Latihan pengurusan risiko untuk pengurus dan pekerja yang terpilih akan dijalankan atas dasar berterusan;
  - (v) Kajian secara formal oleh Lembaga Pengarah pada setiap suku tahunan terhadap keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman.
- iii) Conduct of further workshops at the working level to complete a consolidated risk profile of the Group, which together with a summary of key findings, will be discussed by the Management before being submitted to the Board;
  - iv) Further embedding a formal and structured risk management process within the culture of the Group. Risk management training for selected management and staff will be conducted on an ongoing basis;
  - v) Formal quarterly review by the Board on the adequacy and integrity of the system of internal control.

#### **Fungsi Audit Dalaman**

Fungsi audit dalaman Kumpulan adalah dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan PETRONAS, iaitu satu bahagian di bawah PETRONAS. Objektif Audit Dalaman Kumpulan PETRONAS adalah untuk membantu Kumpulan dalam merealisasikan matlamatnya memperolehi suatu sistem teratur dan berkesan di dalam menganalisa dan memperbaharui keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan pengendalian proses di dalam Kumpulan. Mereka mampu mengekalkan prinsip tidak berbelah bahagi, kecekapan dan sikap profesional dengan membenarkan pelan dan laporan mereka di bawah pengawasan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah PDB.

Audit dalaman dijalankan untuk menghasilkan analisa bebas terhadap kelengkapan, kelincinan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman di dalam menjangka potensi risiko ke atas proses perniagaan utama dan mengawal pengendalian yang teratur terhadap perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah juga boleh menghubungi juru audit dalaman dan luaran di samping memperolehi laporan untuk semua audit yang telah dijalankan.

Fungsi audit dalaman adalah untuk mengkaji kawalan dalaman aktiviti perniagaan utama Kumpulan berdasarkan kepada pelan tahunan audit dalaman yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk persetujuan.

#### **Internal Audit Function**

The internal audit function of the Group is carried out by the PETRONAS' Group Internal Audit ("GIA"), a division under PETRONAS. The objective of GIA is to assist the Group in accomplishing its goals by bringing a systematic and disciplined approach to evaluating and improving the effectiveness of risk management, control and governance processes within the Group. They maintained their impartiality, proficiency and due professional care by having their plans and reports directly under the purview of the PDB's Board Audit Committee.

Internal audits are undertaken to provide independent assessments on the adequacy, efficiency and effectiveness of the Group's internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes and in controlling the proper conduct of business within the Group. The Board Audit Committee also has full access to both internal and external auditors and received reports on all audits performed.

The internal audit function reviews the internal controls in the key activities of the Group's businesses based on an annual internal audit plan which has been presented to the Board Audit Committee for approval.

The resulting reports from the audits undertaken are reviewed by the Board Audit Committee and then forwarded to the Management for

Hasil daripada keputusan audit dikaji oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan kemudiannya diserahkan kepada pihak Pengurusan untuk perhatian dan tindakan lanjut yang perlu dilakukan. Pihak Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah pembetulan untuk kelemahan yang telah dilaporkan dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan.

#### **Risiko-risiko lain dan Proses Kawalan**

Selain daripada rangka kerja pengurusan risiko dan audit dalaman, Lembaga Pengarah telah melaksanakan proses kawalan seperti berikut :-

- (i) Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap suku tahun dan mempunyai jadual perkara yang perlu diberi perhatian untuk dibincangkan, justeru memastikan Lembaga Pengarah mengekalkan pengawasan yang penuh dan berkesan terhadap kesesuaian kawalan. Pengarah Urusan akan mengetuai pembentangan kertas-kertas kerja Lembaga Pengarah dan memberi penjelasan yang penuh berkenaan dengan sebarang perkara yang bersangkutan. Di dalam membuat sebarang keputusan, di atas cadangan pihak Pengurusan, pertimbangan yang terperinci daripada Lembaga Pengarah adalah wajib. Selanjutnya, Lembaga Pengarah akan sentiasa diberitahu dari masa ke semasa mengenai aktiviti-aktiviti dan operasi Kumpulan.
- (ii) Pengarah Urusan akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah berkenaan dengan sebarang perubahan besar terhadap perniagaan dan keadaan luaran yang boleh mengakibatkan risiko yang serius. Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Kewangan akan memberi maklumat kewangan bagi setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah.
- (iii) Suatu dokumen pengagihan kuasa yang jelas menerangkan tanggungjawab dan kuasa menjadi alat rujukan dalam mengenalpasti pihak yang mempunyai kuasa meluluskan berbagai urusniaga termasuk perkara yang memerlukan kebenaran daripada Lembaga Pengarah.

attention and necessary corrective actions as recommended. The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses are taken within the required time frame.

#### **Other Risks and Control Processes**

Apart from risk management framework and internal audit, the Board has the following control processes in place:

- (i) The full Board meets at least quarterly and has set a schedule of matters, which is required to be brought to its attention for discussion, thus ensuring that it maintains full and effective supervision over appropriate controls. The Managing Director will lead the presentation of board papers and provide comprehensive explanation of pertinent issues. In arriving at any decision, on recommendation by the Management, a thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. In addition, the Board is kept updated on the Group's activities and its operations on a regular basis.
- (ii) The Managing Director also reports to the Board on significant changes in the business and the external environment which affects significant risks. The General Manager of Finance Services Division provides the Board with quarterly financial information.
- (iii) A documented delegation of authority with clear lines of accountability and responsibility serves as a tool of reference in identifying the approving authority for various transactions including matters that require Board approval.
- (iv) An organisational structure with formally defined lines of responsibility and delegation of authority is in place. A process of hierarchical reporting has been established which provides for a documented and auditable trail of accountability. It includes the publication of the Employees Handbook which highlights policies on health and safety, training and development, equality of opportunity, staff performance and serious misconduct.

- (iv) Suatu struktur organisasi yang teratur di samping tanggungjawab pengagihan kuasa telah pun dilaksanakan bersama-sama dengan suatu proses hiraki yang menunjukkan senarai tanggungjawab yang didokumenkan dan boleh diaudit. Ini termasuk penerbitan Buku Kakitangan yang memaparkan polisi mengenai kesihatan dan keselamatan, latihan dan perkembangan, kesamaan peluang, prestasi pekerja dan salahlaku yang serius.
- (v) Audit Penguatkuasaan dan pematuhan akan disambung pada masa tahun kewangan yang akan datang oleh Jabatan Sistem dan Perakaunan, iaitu jabatan di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan meliputi fungsi yang bersangkutan dengan risiko tinggi kewangan di dalam seluruh Kumpulan. Pada masa sekarang, rangka kerja audit/senarai-semak telah pun dibuat yang mengandungi prosedur yang perlu dijalankan untuk memastikan kepatuhan yang penuh terhadap polisi Kumpulan.
- (vi) Selari dengan amalan Kumpulan PETRONAS, Kumpulan telah memulakan satu usaha untuk menanam Proses Budaya yang berkualiti yang mengandungi dasar-dasar seperti berikut :-
  - 1. Menepati Keperluan
  - 2. Pencegahan
  - 3. Betul dan Tepat Setiap Masa
  - 4. Kerugian Tidak Menepati Keperluan
  - 5. Kepimpinan Proaktif Semua Peringkat

### **Kelemahan di dalam Kawalan Dalaman yang Menyebabkan Kerugian yang Ketara**

Tiada kerugian yang serius atau besar yang berlaku di sepanjang tahun kewangan akibat kelemahan kawalan dalaman. Pihak Pengurusan terus menerus mengambil langkah untuk menguatkan kawalan ke atas keadaan yang diawasi.

*Pernyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Jun 2002.*

- (v) Enforcement and compliance audits will be resumed during the coming financial year by the Systems & Accounting Services Department, a section within the Finance Services Division, covering high risk finance related functions throughout the Group. Currently, the audit framework / checklist is in place detailing the procedures to be carried out in ensuring full compliance to the Group policies.
- (vi) Consistent with PETRONAS Group's practice, the Group has embarked on the Quality Culture Process embracing the five quality principles which are:
  - 1. Conformance to Requirements
  - 2. Prevention
  - 3. Right Things Right Every Time
  - 4. Price of Non-Conformance
  - 5. Proactive Leadership at all Levels

### **Weaknesses in Internal Controls that Result in Material Losses**

There were no material losses incurred during the current financial year as a result of weaknesses of internal control. Management continues to take measures to strengthen the control environment.

*This statement is made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 28 June 2002.*





## *Jawatankuasa Pengurusan / Management Committee*

### **Jawatankuasa Pengurusan / Management Committee**

Anuar bin Ahmad

(Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif /  
Managing Director/Chief Executive Officer)

Mohd Fadzlan bin Abdul Samad

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Runcit /  
General Manager, Retail Business Division)

Rahiman bin Hashim

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Komersil /  
General Manager, Commercial Business Division)

Mohd Amyn bin Mohd Hussain

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan LPG /  
General Manager, LPG Business Division)

Che Noran binti Mohd Jelas

(Pengurus Besar, Bahagian Perkhidmatan Kewangan /  
General Manager, Finance Services Division)

Mohd. Nasir bin Ismail

(Pengurus Besar, Bahagian Bekalan & Pengedaran /  
General Manager, Supply & Distribution Division)

Baharin bin Raoh

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Minyak Pelincir /  
General Manager, Lube Business Division)

Dalbir Singh

(Pengurus Kanan,Jabatan Perancangan /  
Senior Manager, Planning Department)

Suhaila binti Abdullah

(Pengurus Kanan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia &  
Perkhidmatan Pentadbiran /  
Senior Manager, Human Resource Management & Administration  
Services Department)

Noor Lily Zuriati binti Abdullah

(Setiausaha Syarikat/Penasihat Kanan Undang-Undang /  
Company Secretary/Senior Legal Counsel)

#### **◀ Dari kiri / From left:**

Mohd.Nasir bin Ismail,Rahiman bin Hashim,Noor Lily Zuriati binti Abdullah,  
Dalbir Singh,Anuar bin Ahmad,Mohd Amyn bin Mohd Hussain,Baharin bin Raoh,  
Mohd Fadzlan bin Abdul Samad,Suhaila binti Abdullah,Che Noran binti Mohd Jelas



‘...Syarikat kini merupakan pemasar produk petroleum yang terbesar dalam negara, dengan 36% penguasaan pasaran...’

‘...The Company is today the largest marketer of petroleum products in the country with a 36% market share...’

## *Penyata Pengerusi*

**BAGI PIHAK LEMBAGA PENGARAH, SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN PETRONAS DAGANGAN BERHAD (PDB) UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2002.**

Syarikat mencapai keputusan kewangan yang mengagumkan bagi tahun kedua berturut-turut, dengan hasil yang mencecah ketinggian terbaik sebanyak RM7,343 juta, 15% lebih tinggi daripada RM6,388 juta yang dicatat pada tahun lalu. Hasil daripada pengurusan kos berhemat , keuntungan sebelum cukai meningkat 19% dari RM553 juta kepada RM656 juta. Keuntungan bersih selepas cukai ialah RM460 juta, yang merupakan catatan tertinggi Kumpulan sejak ditubuhkan 20 tahun lalu. Perolehan sesaham (EPS) meningkat kepada 93 sen daripada 78 sen tahun lalu dan Aset Ketara Bersih (NTA) meningkat kepada 441 sen sesaham, pertambahan sebanyak 17%.

Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 15 sen (bersih selepas cukai) sesaham bersama dengan dividen interim sebanyak 15 sen (bersih selepas cukai) sesaham yang dibayar pada 26 Disember 2001,membawa jumlah dividen untuk tahun kewangan kepada 30 sen (bersih selepas cukai) sesaham. Sempena Ulang Tahun Syarikat yang ke-20,Lembaga Pengarah juga mencadangkan Dividen Khas sebanyak 10 sen (bersih selepas cukai) sesaham.

Saya dengan sukacita melaporkan bahawa Syarikat kini merupakan pemasar produk petroleum yang terbesar dalam negara, dengan 36% penguasaan pasaran. Kami akan cuba mempertahankan dan mengekalkan kedudukan yang sukar diperolehi ini.

Syarikat terus berkembang dalam Perniagaan Gas Petroleum Cecair (LPG), dengan meningkatkan jualannya pada kadar lebih 12%, berbanding dengan pertumbuhan pasaran sekitar 3%. Perniagaan Minyak Pelincir Syarikat terus maju dalam pasaran yang sengit dan penuh sesak, dengan pertumbuhan jualan pada kadar 22%, jauh lebih pesat daripada pasaran. Syarikat terus mengukuhkan

## *Chairman's Statement*

**ON BEHALF OF THE BOARD OF DIRECTORS, I AM PLEASED TO PRESENT THE ANNUAL REPORT OF PETRONAS DAGANGAN BERHAD (PDB) FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 MARCH 2002.**

The Company achieved an impressive financial results for the second consecutive year with revenues reaching a record high of RM7,343 million, 15% higher than RM6,388 million recorded last year. With prudent cost management, profit before tax increased by 19% from RM553 million to RM656 million. After providing for taxation, the net profit after tax came to RM460 million, the highest level recorded in the Group's 20-year history. Earnings per share increased to 93 sen from 78 sen last year and the Net Tangible Assets increased to 441 sen per share, an increase of 17%.

The Board of Directors is recommending a final dividend of 15 sen (net of tax) per share and together with the interim dividend of 15 sen (net of tax) per share paid on 26 December 2001 brings the total dividend for the financial year to 30 sen (net of tax) per share. In conjunction with the Company's 20th Anniversary, the Board of Directors is also recommending a Special Dividend of 10 sen (net of tax) per share.


I am pleased to report that the Company is today the largest marketer of petroleum products in the country with a 36% market share. We shall strive to defend and sustain this hard earned market leadership position.

The Company made further inroads in the Liquefied Petroleum Gas (LPG) Business by increasing its sale by more than 12% against a market growth of approximately 3%. Further progress was also made in the crowded and keenly contested Lubricant Business with lubricant sales growing by 22%,far outpacing the


kedudukannya dalam perniagaan ini menerusi strategi pemasaran yang agresif dan menerima penghormatan sebagai syarikat yang pertama memperkenalkan minyak pelincir kenderaan bermotor yang melebihi spesifikasi ketat API SL yang ditetapkan oleh American Institute of Petroleum.

Kemajuan yang menggalakkan turut dicatatkan dalam peruncitan gasolin dan diesel menerusi rangkaian stesen servisnya yang luas di seluruh negara. Walaupun terpaksa bersaing dengan syarikat multinasional utama bertaraf dunia yang lain, Syarikat dapat meningkatkan penguasaan pasaran runcitnya kepada 23%. Untuk membantu strategi pertumbuhan Syarikat, 59 stesen baru telah dibina pada tahun ini, menambahkan jumlah stesen servis Syarikat kepada lebih 600 stesen di seluruh negara.

Syarikat memperluaskan rangkaian kedai Mesranya dengan membuka 43 buah kedai baru tahun ini, membawa jumlah kedai yang beroperasi kepada 143. Perkhidmatan baru sentiasa ditambah, di samping mengembangkan lagi jenis barang yang ditawarkan di kedai. Di samping mesin juruwang automatik (ATM), perkhidmatan pos, restoran layanan segera dan farmasi, FedEx, syarikat penghantaran segera terbesar dunia, telah memilih stesen PETRONAS sebagai "Pusat Penghantaran Sah FedEx" pada tahun ini. Syarikat penghantaran segera tempatan, Nationwide, turut menggunakan stesen servis PETRONAS tertentu sebagai tempat penghantaran dan kutipannya.



Pendapatan Sesaham • Earnings Per Share (Sen / Sen)



market. The Company continues to build its presence in this business through aggressive marketing strategies and achieved the distinction of being the first to introduce motor vehicle lubricants that exceeded the stringent API SL specifications set by the American Petroleum Institute.

Encouraging progress was also made in the retailing of gasoline and diesel through its extensive network of service stations nationwide. Competing with the world's leading multinationals, the Company managed to increase its retail market share to 23%. To support the Company's growth strategy, 59 new stations were built during the year, increasing the Company's total number of service stations nationwide to over 600 stations.

The Company expanded its network of Mesra convenience stores with the opening of 43 new stores during the year, bringing the total number of outlets in operation to 143. New services are constantly being added in addition to expanding the range of offerings available in the store. In addition to automated teller machines (ATM), postal services, quick serve restaurants and pharmacies, FedEx, the world's largest courier, this year selected PETRONAS stations as its "Authorised FedEx Ship Centre". The local courier firm, Nationwide, also uses designated PETRONAS service stations as its drop off and collection points.


Syarikat juga sedar akan perlunya mengemaskini imej kedai sebagai memenuhi kehendak dan trend semasa dan telah memperkenalkan imej baru kedai Mesra awal tahun ini. Dengan bertambahnya pengguna yang ingin membuat pembelian tanpa menggunakan wang tunai, semua stesen PETRONAS di seluruh negara telah dilengkapskan dengan keupayaan untuk menerima kad kredit dan kad caj utama di samping kad kumpulan Syarikat, iaitu SmartPay.

Satu daripada projek khidmat masyarakat yang paling bermakna dilancarkan oleh PETRONAS Dagangan tahun ini ialah Tabung Mesra, yang ditubuhkan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik serta pelajar dan sekolah yang kurang berkemampuan. Setiap kali pelanggan menggunakan Kad Mesranya ketika membuat pembelian di stesen servis PETRONAS, Syarikat akan menderma satu sen kepada tabung tersebut bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.


Dalam bidang pembekalan dan logistik pula, tumpuan diberikan ke arah memperbaiki kecekapan pengendalian rangkaian sedia ada sebagai usaha untuk mengurangkan kos kendalian. Pembinaan loji baru pengisian LPG di Bintulu sedang giat dijalankan dan dijangka mula beroperasi pada Julai 2002. Selain itu, kemudahan mengisi bahan bakar perkapalan untuk kapal yang mengangkut gas asli cecair (GAC) dari projek Malaysia LNG Tiga dijangka siap sebelum penghujung tahun 2002. Untuk memperbaiki kedudukan di Sabah dan sebagai usaha menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, Syarikat sedang membina depot produk pukal di Labuan dan Sandakan.

The Company also recognises the need to update the image of its stores to keep up with the trend, resulting in the introduction of a new image Mesra store earlier in the year. With more and more consumers seeking cashless purchases, all PETRONAS stations throughout the country have been equipped with the capability to accept major credit cards and charge cards in addition to the Company's own fleet card, SmartPay.

Aset Ketara Bersih Sesaham • Net Tangible Asset Per Share (Sen / Sen)



Penguasaan Pasaran - Jumlah Keseluruhan Produk Market Share - Total All Products



One of the most significant community services launched during the year by PETRONAS Dagangan was the Tabung Mesra where every time a customer uses his Mesra Card when making a purchase at PETRONAS service station, the Company would contribute one sen for every ringgit spent to the fund which was set up to assist the less fortunate and underprivileged students and schools.



In terms of supply and logistics, the focus during the year was to improve the operational efficiency of the existing network, with the view to reduce operating cost. The new LPG bottling plant being constructed at Bintulu is progressing well and is expected to come on stream in July 2002. In addition, the bunkering facilities to supply fuel to ships used in the transportation of LNG from the Malaysia LNG Tiga project is expected to be completed by the end of 2002. To improve its competitive position in Sabah and to provide better service to customers, the Company is building bulk product depots in Labuan and Sandakan.

Syarikat sedar bahawa pelanggan sentiasa meminta perkhidmatan yang lebih baik. Pusat perkhidmatan pelanggan Syarikat yang canggih, MesraLink, mula mengambil pesanan daripada wakil penjual dan pelanggan. Pusat tersebut yang kini dapat dihubungi melalui telefon, faks dan internet akan mampu berkomunikasi melalui respons suara interaktif (IVR) tidak lama lagi. Syarikat juga berjaya memindahkan sistem maklumat dan perniagaannya kepada sistem perancangan sumber perniagaan baru yang dikemaskinikan, SAP R/3. Banyak proses perniagaan Syarikat telah dikaji semula untuk menyelaraskan kecekapan kendalian dengan berorientasikan tumpuan kepada pelanggan. Syarikat juga telah melabur dalam bidang tertentu teknologi maklumat dan komputer untuk meningkatkan kecekapannya dalam e-perniagaan dan mempertingkatkan laman web korporatnya ([www.mymesra.com.my](http://www.mymesra.com.my)).

Kakitangan yang berdedikasi dan setia adalah aset yang paling strategik dan Syarikat akan terus melabur dalam usaha mempertingkatkan kecekapan dan kebolehan kakitangan supaya mereka mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan dan memastikan kejayaan yang kini dinikmati oleh Syarikat akan dapat dikesalkan. Pengukuhan prasarana perniagaan dan usaha meningkatkan keupayaan kakitangan merupakan sebahagian daripada usaha strategik kami untuk bukan sahaja mengekalkan kedudukan No. 1 kami dalam pasaran Malaysia tetapi juga untuk menjadi jenama utama industri yang mampu bertahan.

Tahun ini, Syarikat telah menjual keseluruhan 70% kepentingan sahamnya dalam West Port Bunkering Services Sdn Bhd, anak syarikat yang memiliki dan mengendali kemudahan mengisi bahan bakar perkapalan di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang kepada Lembaga

The Company recognises that customers are continually asking for better services. The Company's state-of-the-art customer service centre, MesraLink, has started to take orders from dealers and customers. The centre which is currently accessible through telephone, fax and the Internet will soon be able to communicate through interactive voice response (IVR). The Company also successfully migrated its information and business system to the new and updated SAP R/3 enterprise resource planning system. As part of this migration exercise, many of the Company's business processes were reviewed to align operational efficiencies with customer focussed orientation. The Company has also invested selectively in information and computer technology to enhance its competencies in e-commerce and upgraded its corporate website ([www.mymesra.com.my](http://www.mymesra.com.my)).



The Company's dedicated and loyal employees are its most strategic asset and it will continuously invest in upgrading the competencies and capabilities of its staff to enable them to meet the challenges of the future and ensure that the current success attained by the Company is sustained. The strengthening of business infrastructure and upgrading of the staff's capabilities are part of our strategic efforts to not only retain the No. 1 market position in Malaysia but to also become the leading and enduring brand in this industry.

During the year, the Company completed the divestment of its entire 70% equity in West Port Bunkering Services Sdn Bhd, the subsidiary that owned and operated the bunkering facilities at

Pelabuhan Klang. Bagaimanapun, Syarikat terus membekalkan bahan bakar perkapalan kepada kapal-kapal di pelabuhan ini.

Ketika ekonomi Malaysia beransur pulih dengan prospek pertumbuhan yang lebih tinggi, permintaan terhadap produk petroleum juga dijangka meningkat pada kadar yang sihat. Walaupun persaingan daripada syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia akan terus sengit dengan peningkatan keperluan perkhidmatan oleh pelanggan yang lebih berpengetahuan, Syarikat yakin bahawa ia akan dapat mempertahankan kedudukan barunya sebagai pemasar terbesar produk petroleum di Malaysia.

Akhir sekali, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan dan wakil penjual atas sokongan dan kesetiaan mereka yang berterusan terhadap Syarikat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan Malaysia dan agensi-agensinya yang berkaitan atas sokongan dan bimbingan mereka. Syarikat tidak mungkin dapat mencapai prestasi yang mengagumkan tanpa sumbangan penuh tekad kakitangan serta pihak pengurusan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap seorang daripada mereka atas dedikasi dan komitment masing-masing.





**TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN**

Pengerusi

West Port in Port Klang, to Port Klang Authority. The Company however continues to provide bunker fuels to vessels at this port.

As the Malaysian economy steadily recovers with prospects of higher growth, the demand of petroleum products is also expected to increase at a healthy rate. Although the competition from the multinational companies operating in Malaysia will remain keen and the service needs of better informed customers will continuously increase, the Company is confident that it will be able to defend its newly attained position as the largest marketer of petroleum products in Malaysia.



In conclusion, on behalf of the Board of Directors, I would like to thank all customers and dealers for their continued patronage and loyalty to the Company. I would also like to record my appreciation to the Government and its relevant agencies for their support and guidance. The Company's impressive performance would not have been possible without the passionate contribution of staff and management and I would like to thank each and every one of them for their dedication and commitment.



**TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN**

Chairman

**Anuar bin Ahmad** ►

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

## Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

## Chief Executive Officer's Report

**PETRONAS DAGANGAN BERHAD MENCATAT SATU LAGI PRESTASI CEMERLANG BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2002. SYARIKAT MEMBUAT CATATAN TERTINGGI BARU BAGI JUMLAH JUALAN, HASIL PENDAPATAN DAN KEUNTUNGAN BERSIH.**

### Prestasi Kewangan

Tahun berakhir 31 Mac 2002 merupakan satu lagi tahun catatan yang cemerlang bagi PETRONAS Dagangan Berhad. Hasil jualan mencapai satu lagi jumlah yang tinggi iaitu RM7,343 juta, 15% lebih tinggi daripada pendapatan tahun lalu. Prestasi cemerlang ini disebabkan pertambahan jumlah jualan dan mungkin lebih tinggi jika harga purata produk tidak menurun sedikit sepanjang tahun tinjauan. Selaras dengan pertumbuhan hasil pendapatan, keuntungan bersih sebelum cukai Kumpulan meningkat kepada satu lagi catatan yang tinggi iaitu RM656 juta, atau 19% lebih tinggi berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya.

Termasuk di dalam keuntungan tersebut ialah laba berjumlah RM29.5 juta yang diperolehi daripada penjualan seluruh ekuiti 70% Syarikat dalam West Port Bunkering Services Sdn Bhd (WEBS), anak syarikat yang bertanggungjawab terhadap perniagaan bahan bakar perkapalan di Pelabuhan Klang. Setelah cukai korporat, keuntungan bersih selepas cukai yang dicapai ialah RM460 juta, iaitu 18% lebih tinggi daripada rekod RM390 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Selaras dengan keuntungan yang lebih tinggi ini, perolehan sesaham (EPS) Kumpulan meningkat daripada 78 sen sesaham tahun lalu kepada 93 sen sesaham pada tahun ini.

Kedudukan kewangan Kumpulan yang sihat ini juga jelas kelihatan dalam Kunci Kira-kiranya yang kukuh. Pada 31 Mac 2002, jumlah aset yang dimiliki oleh Kumpulan ialah RM3.71 bilion, atau 14% lebih tinggi daripada jumlah aset pada permulaan tahun kewangan. Kecuali hutang jangka panjang yang kecil berjumlah RM43 juta yang dipinjam oleh anak syarikat, Kuala Lumpur Aviation Fuelling System Sdn Bhd (KAWS), semua aset dibiayai oleh dana pemegang saham. Untuk membantu pertumbuhan perniagaan, sejumlah RM246 juta telah digunakan untuk perbelanjaan modal, yang dibiayai sepenuhnya oleh dana dalaman. Jumlah aset ketara bersih atau NTA Kumpulan ialah 441 sen sesaham.

**PETRONAS DAGANGAN BERHAD DELIVERED YET ANOTHER OUTSTANDING PERFORMANCE FOR FINANCIAL YEAR ENDED 31 MARCH 2002. THE COMPANY RECORDED A NEW HIGH FOR SALES VOLUME, REVENUE AND NET PROFIT.**

### Financial Performance

The year ended 31 March 2002 was another record year for PETRONAS Dagangan Berhad. Sales revenue reached another high of RM7,343 million, 15% higher than that earned last year. This outstanding performance is attributable to the increase in sales volume and would have been higher had the average product price not declined marginally during the year in review. Consistent with the growth in revenue, the Group's net profit before tax climbed to another peak of RM656 million, or 19% higher compared to the prior financial year.

Included in the profits is the gain of RM29.5 million realised from the divestment of the Company's entire 70% equity in West Port Bunkering Services Sdn Bhd (WEBS), the subsidiary responsible for the bunker fuel business at Port Klang. After making the appropriate provisions for corporate tax, the net profit after tax realised was RM460 million, which is 18% higher than the previous record of RM390 million achieved last year. Consistent with the higher profits, the Group's earnings per share (EPS) increased from 78 sen per share last year to 93 sen per share this year.

7	Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (MLF2))	2,059,000	0.41
8	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Amanah Saham Wawasan 2020)	1,987,000	0.40
9	Johan Enterprise Sdn Bhd	1,680,000	0.34
10	Rothputra Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Employees Provident Fund)	1,600,000	0.32
11	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Amanah Saham Didik)	1,497,000	0.30
12	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (Delaware Food Trust, Inc for the Emerging Markets Portfolio)	1,477,000	0.30
13	Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Mayban Trustees Berhad for Public Ittikal Fund)	1,469,000	0.30
14	BBMB Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Petroleum Research Fund)	1,251,000	0.25
15	Bank Simpanan Nasional	1,174,000	0.24
16	Foh Chong & Sons Sdn Bhd	1,007,000	0.20
17	Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	1,000,000	0.20
18	Pegawai Kewangan Negeri,Negeri Sembilan	1,000,000	0.20
19	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	1,000,000	0.20
20	Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang	1,000,000	0.20
21	State Financial Secretary Sarawak	1,000,000	0.20
22	State Secretary Kedah Incorporated	1,000,000	0.20
23	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	1,000,000	0.20
24	Ketua Menteri Melaka	790,000	0.20
25	Bumiputra-Commerce Trustee Berhad	958,000	0.19
26	Low Poh Weng	950,000	0.19
27	Chan Wan Moi	923,000	0.19
28	Bimsec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Syarikat Takaful Malaysia Berhad)	830,000	0.17
29	Permodalan Nasional Berhad	766,000	0.15
30	Botly Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Pledged Sec.Acc. for Koon Yew Yin)	691,000	0.14

**Senarai Pemegang-Pemegang Saham Utama Pada 27 Jun 2002**

**List of Substantial Shareholders As At 27 June 2002**

	<b>Bil. Saham No. Of Shares</b>	<b>% Jumlah Saham % of Total Share</b>
1. RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Petroliam Nasional Berhad)	347,002,000	69.86
2. Employees Provident Fund Board	27,533,000	5.54
3. Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (MLF))	15,043,320	3.03
4. Lembaga Tabung Haji	11,879,000	2.39

**Senarai Pegangan Saham Oleh Pengarah Dalam Syarikat Dan Syarikat-Syarikat Berkaitan Pada 27 Jun 2002**

**List Of Directors' Shareholding In The Company And Related Companies As At 27 June 2002**

	<b>Nama / Name</b>	<b>Bilangan Saham dalam Syarikat No. of Shares in the Company</b>	<b>% Pegangan Saham % of Shareholding</b>
1. Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	1,000	0.00	
2. Anuar bin Ahmad	1,000	0.00	
3. Abdul Rahim bin Haji Hashim	1,000	0.00	

	<b>Nama / Name</b>	<b>Bilangan Saham dalam PETRONAS Gas Berhad No. of Shares in PETRONAS Gas Berhad</b>	<b>% Pegangan Saham % of Shareholding</b>
1. Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	5,000	0.00	

## *Kawasan Operasi / Areas Of Operation*

### **Ibu Pejabat / Head Office**

Aras 30-33, Menara 1  
 Menara Kembar PETRONAS  
 Kuala Lumpur City Centre  
 50088 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2051 5500  
 Faks / Fax: 03-2051 5505

### **Pejabat-pejabat Kawasan Area Offices**

#### **Kawasan Tengah / Central Region**

Aras 12, Menara Dayabumi  
 Jalan Sultan Hishamuddin  
 Peti Surat 11946  
 50762 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2260 1500  
 Faks / Fax: 03-2260 1527

#### **Kawasan Utara / Northern Region**

Lot 93  
 Prai Industrial Estate  
 13600 Prai, Pulau Pinang  
 Tel: 04-390 7291, 04-390 7201  
 Faks / Fax: 04-399 0211

#### **Kawasan Selatan / Southern Region**

Tingkat 1, Bangunan PETRONAS  
 Lot 12106  
 Bandar Baru UDA  
 Km 7, Jalan Skudai  
 81200 Johor Bahru, Johor  
 Tel: 07-237 8161  
 Faks / Fax: 07-236 0955

#### **Kawasan Barat / Western Region**

Suite 1.1, Aras 1  
 Bangunan Yayasan Melaka  
 Off Jalan Hang Tuah  
 75300 Melaka  
 Tel: 06-283 5162, 06-284 6792  
 Faks / Fax: 06-284 2107



#### **Kawasan Timur / Eastern Region**

No. 168, Jalan Besar  
 25000 Kuantan, Pahang  
 Tel: 09-513 7022, 09-513 7099  
 Faks / Fax: 09-514 4040

#### **Kawasan Sabah / Sabah Region**

Aras 1 & 2  
 Menara PETRONAS Kota Kinabalu  
 No. 2, Jalan Belia  
 Beg Berkunci No. 110  
 88100 Kota Kinabalu, Sabah  
 Tel: 088-23 9033, 088-23 9035  
 Faks / Fax: 088-23 7045


#### **Kawasan Sarawak / Sarawak Region**

Tingkat 3-4  
 Custodev Twin Tower  
 Lot 2679, Jalan Rock  
 93200 Kuching  
 Sarawak  
 Tel: 082-25 5200  
 Faks / Fax: 082-42 9958



- Depot Pukal  
Bulk Depot
- Depot Penerangan  
Aviation Depot
- Loji Pengisian  
Bottling Plant
- Pejabat Kawasan  
Area Office
- Kemudahan Mengisi Minyak Kapal  
Bunkering Facilities
- Saluran Paip Pelbagai Produk  
Multi Product Pipeline

### Trend Harga Minyak Mentah & Barang Petroleum / Crude Oil & Petroleum Product Price Trend



*Penyata Kewangan*

- 90** Laporan Pengarah
- 94** Penyata Para Pengarah
- 95** Akuan Berkanun
- 96** Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli
- 97** Kunci Kira-Kira Disatukan
- 98** Penyata Pendapatan Disatukan
- 99** Penyata Aliran Tunai Disatukan
- 100** Kunci Kira-Kira
- 101** Penyata Pendapatan
- 102** Penyata Aliran Tunai
- 103** Nota Kepada Penyata Kewangan

**Laporan Pengarah**  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan teraudit bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2002.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat dalam tahun kewangan kekal tidak berubah dan terdiri daripada pemasaran domestik produk petroleum dan pengendalian stesen minyak. Kegiatan utama anak syarikat dan syarikat bersekutu diterangkan dalam Nota 28 and 29 kepada penyata kewangan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

	<b>Kumpulan</b> <b>RM'000</b>	<b>Syarikat</b> <b>RM'000</b>
Keuntungan selepas pencukaian tetapi sebelum kepentingan minoriti	460,528	438,780
Bahagian kepentingan minoriti dalam keuntungan anak syarikat	(750)	-
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan	459,778	438,780
Keuntungan belum diagihkan dibawa ke hadapan	1,161,456	1,180,282
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan boleh diagihkan	1,621,234	1,619,062
Dividen	(143,058)	(143,058)
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan belum diagihkan dihantar ke hadapan	1,478,176	1,476,004
	<hr/>	<hr/>

**DIVIDEN**

Amaun yang dibayar melalui dividen oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:

- i) seperti yang dicadangkan dalam laporan tahun lepas, dividen akhir 15% ditolak cukai 28% berjumlah RM53,646,516 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2001 telah dibayar pada 30 Ogos 2001.
- ii) dividen interim 15% ditolak cukai 28% berjumlah RM53,646,516 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 telah dibayar pada 26 Disember 2001.

Para pengarah mencadangkan dividen akhir 15% ditolak cukai 28% berjumlah RM53,646,516 bagi tahun berakhir 31 Mac 2002.

Para pengarah juga mencadangkan dividen khas 10% ditolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun berakhir 31 Mac 2002.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada dan daripada rizab serta peruntukan semasa tahun kewangan.

## PARA PENGARAH SYARIKAT

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican - Pengurus  
 Anuar bin Ahmad - Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif  
 Datuk Ishak bin Imam Abas  
 Dato' Shamsul Azhar bin Abbas  
 Chew Kong Seng  
 Dr. R.Thillainathan  
 Abdul Rahim bin Haji Hashim  
 Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal (dilantik pada 1.3.2002)  
 Dato' Mohd Ali bin Yasin (meletakkan jawatan pada 30.8.2001)  
 Mohd Rauff bin Nabi Bax (meletakkan jawatan pada 31.12.2001)

Selaras dengan Perkara 93 Tataurusan Persatuan Syarikat, Datuk Ishak bin Imam Abas, Dato' Shamsul Azhar bin Abbas dan Chew Kong Seng bersara mengikut giliran dari Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Selaras dengan Perkara 96 Tataurusan Persatuan Syarikat, Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal yang dilantik pada 1 Mac 2002, bersara daripada Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dipilih semula.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam bentuk saham Syarikat dan syarikat berkaitan adalah seperti berikut :-

Nama	Bilangan Saham dalam Syarikat			
	Baki pada 1.4.2001	Dibeli	Dijual	Baki pada 31.3.2002
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	1,000	–	–	1,000
Anuar bin Ahmad	1,000	–	–	1,000
Abdul Rahim bin Haji Hashim	1,000	–	–	1,000
Datuk Ishak bin Imam Abas	–	30,000	20,000	10,000

Bilangan Saham dalam PETRONAS Gas Berhad			
Baki pada 1.4.2001	Waran yang digunakan	Dijual	Baki pada 31.3.2002
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	5,000	–	5,000

Tiada pengarah lain pada 31 Mac 2002 yang memegang atau berurusniaga dalam sebarang saham biasa Syarikat atau syarikat berkaitan dengannya semasa tahun kewangan.

## **GANJARAN PARA PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah Syarikat yang telah menerima atau layak menerima apa-apa ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam emolumen agregat yang diterima atau patut diterima oleh pengarah seperti dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Syarikat atau syarikat berkaitan) disebabkan perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang pengarah tersebut mempunyai kepentingan yang ketara.

Tiada sebarang urusan semasa dan pada akhir tahun yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat menikmati faedah melalui pemerolehan saham Syarikat atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

## **TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR**

Tiada sebarang perubahan pada modal diterbit dan berbayar Syarikat semasa tahun kewangan.

## **OPSYEN YANG DIBERI KE ATAS SAHAM BELUM TERBIT**

Tiada opsyen diberikan kepada sesiapa untuk memperolehi saham belum terbit Syarikat semasa tahun kewangan.

## **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan
- ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada kos dan nilai boleh realisasi bersih, bergantung pada yang mana lebih rendah.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak mendapati wujudnya sebarang keadaan:

- i) yang akan menyebabkan amaun yang dihapuskira untuk hutang lapuk atau amaun untuk peruntukan hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga ke peringkat yang menjelaskan, atau
- ii) yang boleh mengelirukan penilaian aset semasa dalam akaun Kumpulan dan Syarikat, atau
- iii) yang timbul dan menyebabkan kepatuhan pada kaedah penilaian yang sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv) selain dari apa yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang mungkin menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

### **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMBUNGAN)**

Pada tarikh laporan ini,tidak terdapat:

- i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti pihak lain, atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan atau Syarikat yang telah dikuatkuasa, atau yang mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang menurut pendapat para pengarah, boleh atau mungkin menjas keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap liabiliti itu.

Pada pendapat para pengarah,keputusan perniagaan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 tidak terjejas dengan ketara akibat sebarang perkara,urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa dan juga tidak terdapat sebarang perkara,urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini.

### **JURUAUDIT**

Juruaudit, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah :

**TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN**

**ANUAR BIN AHMAD**

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 23 Mei 2002

*Penyata Para Pengarah*

Pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 120, disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2002 dan hasil operasinya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah:



TAN SRI DATO' MOHD HASSEN BIN MARICAN



ANUAR BIN AHMAD

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 23 Mei 2002

## Akuan Berkanun

Saya, CHE NORAN BINTI MOHD JELAS (NO MIA: 1390), pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan PETRONAS DAGANGAN BERHAD, sesungguhnya dan dengan ikhlas menyatakan bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 120, adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya dengan sesungguhnya membuat akuan ini dan dengan hematnya saya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas

CHE NORAN BINTI MOHD JELAS di KUALA LUMPUR

WILAYAH PERSEKUTUAN pada 23 Mei 2002.

DIHADAPAN SAYA:



4 Tkt. Mezzanine, Medan Pasar  
Kuala Lumpur

## *Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli*

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 120. Tugas menyediakan penyata kewangan adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami ialah menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami.

Kami telah melaksanakan pengauditan menurut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai pengauditan ini menghendaki kami merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu untuk memberi kami bukti bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang material. Audit termasuk pemeriksaan, dengan berasaskan ujian, bukti yang relevan dengan amaan dan paparan dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan terhadap anggaran besar yang dibuat oleh para pengarah serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami ini.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah dibuat dengan teratur menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang:
  - i) keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2002 dan hasil operasi masing-masing dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - ii) perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 dipakai dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 telah disimpan dengan baik oleh Syarikat dan anak syarikatnya selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang wajar dan sempurna untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan audit tentang penyata kewangan anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak termasuk sebarang ulasan yang dibuat di bawah subseksyen (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

*[Signature]*

**KPMG DESA MEGAT & CO.**

Nombor Firma: AF 0759

Akauntan Bertauliah

*[Signature]*

**DATO' MOHAMMAD AIDID BIN MOHD SHARIFF**

Rakan Kongsi

Nombor Kelulusan: 930/6/02(J/PH)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 23 Mei 2002

*Kunci Kira-Kira Disatukan*  
pada 31 Mac 2002

	Nota	2001 RM'000	2001 RM'000
<b>HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN</b>	2	<b>1,512,934</b>	1,428,308
PELABURAN DALAM SEKUTU	4	<b>2,386</b>	2,375
<b>BAYARAN BELUM TERIMA JANGKA PANJANG</b>	5	<b>124,844</b>	131,005
<b>ASET SEMASA</b>			
INVENTORI	6	<b>137,599</b>	156,653
BAYARAN BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN- LAIN	7	<b>806,980</b>	1,053,240
TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI	11	<b>1,129,274</b>	498,562
		<b>2,073,853</b>	1,708,455
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
LAIN-LAIN BAYARAN BELUM DIJELAS	12	<b>1,212,641</b>	1,068,181
PINJAMAN	16	<b>7,478</b>	6,897
PENCUKAIAN		<b>99,773</b>	139,838
DIVIDEN DICADANGKAN		<b>89,411</b>	53,647
		<b>1,409,303</b>	1,268,563
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>664,550</b>	439,892
		<b>2,304,714</b>	2,001,580
<b>Dibiayai oleh:</b>			
<b>MODAL DAN RIZAB</b>			
MODAL SAHAM	13	<b>496,727</b>	496,727
RIZAB	14	<b>1,691,884</b>	1,375,164
		<b>2,188,611</b>	1,871,891
KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI	15	<b>32,677</b>	31,187
LIABILITI JANGKA PANJANG DAN TERTUNDA			
PINJAMAN	16	<b>42,666</b>	49,650
PENCUKAIAN TERTUNDA		<b>40,760</b>	48,852
		<b>83,426</b>	98,502
		<b>2,304,714</b>	2,001,580

*Nota yang dibentangkan pada halaman 103 hingga 120 adalah sebahagian penting dan harus dibaca bersama penyata kewangan ini.*

*Penyata Pendapatan Disatukan  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	Nota	2001 RM'000	2001 RM'000
<b>Hasil</b>	18	<b>7,343,438</b>	6,387,779
<b>Keuntungan Operasi</b>	18	<b>660,722</b>	558,186
Kos pembiayaan	20	(4,814)	(5,654)
Bahagian keuntungan sekutu		<b>163</b>	54
<b>Keuntungan sebelum pencukaian</b>		<b>656,071</b>	552,586
Belanja cukai	21	(195,543)	(163,053)
<b>Keuntungan selepas pencukaian tetapi sebelum kepentingan minoriti</b>		<b>460,528</b>	389,533
Bahagian kepentingan minoriti dalam (keuntungan)/kerugian anak syarikat		(750)	56
<b>Keuntungan bersih bagi tahun kewangan</b>		<b>459,778</b>	389,589
Dividen sesaham biasa - kasar	22	<b>40.0 sen</b>	25.0 sen
Pendapatan sesaham - asas	23	<b>92.6 sen</b>	78.4 sen

*Penyata Keuntungan Dan Kerugian Yang Diiktiraf  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	2001 RM'000	2001 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<b>459,778</b>	389,589
<b>Jumlah keuntungan diiktiraf bagi tahun kewangan</b>	<b>459,778</b>	389,589

*Penyata Aliran Tunai Disatukan  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	2001 RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI</b>		
Penerimaan tunai daripada pelanggan	7,605,323	6,068,973
Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan	(6,436,178)	(5,634,121)
	<hr/>	<hr/>
Cukai dibayar	1,169,145	434,852
Faedah persaraan dibayar	(243,649)	(122,019)
	(3,818)	(3,470)
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi</b>	<b>921,678</b>	309,363
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN</b>		
Hasil daripada penjualan pelaburan dalam anak syarikat (Nota 24)	63,500	–
Pendapatan faedah daripada pelaburan dana	12,534	8,763
Pembelian harta,loji dan kelengkapan	(246,262)	(263,881)
Bayaran terdahulu sewa tapak stesen	–	(7,350)
Hasil daripada penjualan harta, loji dan kelengkapan	248	59,046
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>(169,980)</b>	(203,422)
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Margin bahagian keuntungan dibayar	(6,838)	(5,654)
Dividen dibayar	(107,294)	(71,528)
Pembayaran pinjaman kemudahan jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil	(6,854)	(18,845)
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan</b>	<b>(120,986)</b>	(96,027)
	<hr/>	<hr/>
<b>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI</b>	<b>630,712</b>	9,914
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN</b>	<b>498,562</b>	488,648
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>1,129,274</b>	498,562
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI (Nota 11)</b>		
Tunai dan baki dalam bank	83,025	89,100
Deposit	1,046,249	409,462
	<hr/>	<hr/>
<b>1,129,274</b>	<b>498,562</b>	
	<hr/>	<hr/>

*Nota yang dibentangkan pada halaman 103 hingga 120 adalah sebahagian penting,dan harus dibaca bersama,penyata kewangan ini.*

*Kunci Kira-Kira*  
pada 31 Mac 2002

	Nota	2001 RM'000	2001 RM'000
<b>HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN</b>	2	<b>1,369,918</b>	1,235,399
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	3	<b>59,475</b>	59,475
PELABURAN DALAM SEKUTU	4	<b>1,425</b>	1,425
BAYARAN BELUM TERIMA JANGKA PANJANG	5	<b>124,844</b>	131,005
<b>ASET SEMASA</b>			
INVENTORI	6	<b>137,499</b>	156,533
BAYARAN BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN	7	<b>804,749</b>	1,107,236
TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI	11	<b>1,091,066</b>	471,340
		<b>2,033,314</b>	1,735,109
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
LAIN-LAIN BAYARAN BELUM DUELAS	12	<b>1,174,139</b>	1,030,838
PENCUKAIAN		<b>99,552</b>	139,684
DIVIDEN DICADANGKAN		<b>89,411</b>	53,647
		<b>1,363,102</b>	1,224,169
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>670,212</b>	510,940
		<b>2,225,874</b>	1,938,244
<b>Dibiayai oleh:</b>			
<b>MODAL DAN RIZAB</b>			
MODAL SAHAM	13	<b>496,727</b>	496,727
RIZAB	14	<b>1,689,712</b>	1,393,990
		<b>2,186,439</b>	1,890,717
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG DAN TERTUNDA</b>			
PENCUKAIAN TERTUNDA		<b>39,435</b>	47,527
		<b>2,225,874</b>	1,938,244

*Penyata Pendapatan  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	Nota	2001 RM'000	2001 RM'000
<b>Hasil</b>	18	<b>7,339,749</b>	6,370,679
Keuntungan operasi/Keuntungan sebelum pencukaian	18	<b>633,984</b>	556,604
Belanja cukai	21	(195,204)	(162,327)
<b>Keuntungan bersih bagi tahun kewangan</b>		<b>438,780</b>	394,277
Dividen sesaham biasa - kasar	22	<b>40.0 sen</b>	25.0 sen

*Penyata Keuntungan Dan Kerugian Diiktiraf  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	2001 RM'000	2001 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<b>438,780</b>	394,277
<b>Jumlah keuntungan diiktiraf bagi tahun kewangan</b>	<b>438,780</b>	394,277

*Penyata Aliran Tunai  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2002*

	2001 RM'000	2001 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI</b>		
Penerimaan tunai daripada pelanggan	<b>7,598,676</b>	6,052,485
Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan	(6,454,693)	(5,642,722)
	<hr/>	<hr/>
Cukai dibayar	<b>1,143,983</b>	409,763
Faedah persaraan dibayar	(243,428)	(121,840)
	(3,818)	(3,470)
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi</b>	<b>896,737</b>	284,453
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN</b>		
Hasil daripada penjualan pelaburan dalam anak syarikat (Nota 24)	63,500	–
Pendapatan faedah daripada pelaburan dana	11,507	7,932
Pembelian harta,loji dan kelengkapan	(245,073)	(263,492)
Bayaran terdahulu sewa tapak stesen	–	(7,350)
Hasil daripada penjualan harta, loji dan kelengkapan	248	58,698
Dividen diterima	101	–
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>(169,717)</b>	(204,212)
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Dividen dibayar	(107,294)	(71,528)
	<hr/>	<hr/>
<b>Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan</b>	<b>(107,294)</b>	(71,528)
	<hr/>	<hr/>
<b>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI</b>	<b>619,726</b>	8,713
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN</b>	<b>471,340</b>	462,627
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>1,091,066</b>	471,340
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI (Nota 11)</b>		
Tunai dan baki dalam bank	82,541	88,423
Deposit	1,008,525	382,917
	<hr/>	<hr/>
<b>1,091,066</b>	<b>471,340</b>	
	<hr/>	<hr/>

*Nota yang dibentangkan pada halaman 103 hingga 120 adalah sebahagian penting,dan harus dibaca bersama,penyata kewangan ini.*

## *Nota Kepada Penyata Kewangan*

31 Mac 2002

### **1. DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Dasar perakaunan yang berikut diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat dan selaras dengan dasar perakaunan yang diterima pakai pada tahun-tahun terdahulu.

#### **1.1 Asas Perakaunan**

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

#### **1.2 Asas Penyatuan**

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan anak syarikatnya yang disenaraikan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan. Penyatuan ini berdasarkan penyata kewangan anak syarikat yang disediakan setakat 31 Mac 2002 dan berdasarkan kepada kaedah perakaunan pemerolehan.

Mengikut kaedah perakaunan pemerolehan, keputusan semua anak syarikat yang diperolehi atau dijual semasa tahun kewangan adalah diambil kira daripada tarikh pemerolehan atau setakat tarikh penjualan anak syarikat tersebut. Pada tarikh pemerolehan, nilai saksama aset bersih bagi anak syarikat adalah ditentukan dan nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan diantara kos pemerolehan dan nilai saksama aset bersih bagi anak syarikat ditunjukkan sebagai muhibbah atau rizab semasa penyatuan, bergantung pada keadaan.

Semua urusan perniagaan dalaman dihapuskan semasa penyatuan, dan hasil serta keuntungan hanya berkaitan dengan urusniaga luar sahaja. Kerugian yang belum direalisasi hasil daripada urusniaga-urusniaga antara syarikat di dalam Kumpulan juga dihapuskan melainkan kos yang tidak boleh diperolehi semula.

Pecahan keuntungan atau kerugian yang berkait dengan pemegang saham minoriti telah ditolak dalam pengiraan bahagian keuntungan pemegang saham Syarikat.

Jumlah aset dan liabiliti anak syarikat dimasukkan dalam Kunci Kira-kira Kumpulan dan kepentingan pemegang saham minoriti dalam aset bersih yang digunakan dinyatakan secara berasingan.

#### **1.3 Sekutu**

Sekutu ialah syarikat dimana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% hingga 50% dan Kumpulan mempunyai pengaruh penting, termasuk perwakilan dalam Lembaga Pengarah, terhadap dasar kewangan dan pengendalian syarikat tersebut.

Bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pemerolehan sekutu dimasukkan ke dalam penyatuan kewangan disatukan. Bahagian Kumpulan dalam rizab selepas pemerolehan dan keuntungan belum diagihkan tolak kerugian ditambah kepada nilai pembawaan bagi pelaburan di dalam kunci kira-kira disatukan. Amaun-amaun tersebut diambil dari penyata kewangan pengurusan terkini bagi sekutu.

Keuntungan yang belum direalisasi yang timbul pada urusniaga diantara Kumpulan dan sekutunya yang dimasukkan dalam nilai pembawaan aset dan liabiliti berkaitan dihapuskan sebahagiannya berdasarkan tahap kepentingan Kumpulan dalam sekutu. Kerugian yang belum direalisasi pada urusniaga tersebut juga dihapuskan sebahagiannya kecuali jika kos tersebut tidak boleh diperolehi semula.

Hasil sekutu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

## 1. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 1.4 Sewa Bayar Dahulu

Sewa bayar dahulu tapak stesen servis diambil kira sebagai Bayaran Belum Terima Jangka Panjang. Pembayaran dahulu dihapus kira berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh perjanjian.

### 1.5 Harta, Loji dan Kelengkapan Dan Susutnilai

Harta, loji dan kelengkapan kecuali tanah hak milik bebas adalah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul.

Harta, loji dan kelengkapan kecuali tanah hak milik bebas disusutnilai berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna aset berkaitan. Tanah hak milik bebas tidak disusutnilai.

Projek dalam perlaksanaan tidak disusutnilai.

Bangunan disusutnilai bagi tempoh 20 hingga 50 tahun atau sepanjang baki tempoh pajakan, bergantung pada yang mana lebih singkat.

Tanah pegangan pajakan disusutnilai bagi tempoh pajakan 20 hingga 999 tahun.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk loji dan kelengkapan lain adalah:

Loji, mesin, tangki and saluran paip	5% hingga 20%
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	15% hingga 20%
Kenderaan bermotor	25%
Pegangan pajakan dibaikpulih	Sepanjang baki tempoh pajakan atau 3 tahun, yang mana lebih singkat.
Perkakasan dan perisian komputer	20%

Harta, loji dan kelengkapan yang berharga kurang daripada RM5,000 disusutnilai sepenuhnya pada tahun pembelian.

### 1.6 Pelaburan

Pelaburan yang dipegang untuk jangka panjang dinyatakan pada nilai kos tolak peruntukan untuk pengurangan nilai. Peruntukan akan dibuat apabila pengarah berpendapat bahawa terdapat pengurangan nilai yang bukan bersifat sementara.

### 1.7 Inventori

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh realisasi bersih, bergantung pada yang mana lebih rendah. Kos inventori termasuk kos langsung dan caj pengangkutan yang diperlukan untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa dan ditentukan atas dasar purata berwajaran.

## **1. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **1.8 Faedah Persaraan**

Syarikat membuat caruman bulanan kepada Dana Faedah Persaraan PETRONAS (Dana) berdasarkan gaji bulanan pekerja yang layak setelah ditolak caruman berkanun untuk membiayai faedah persaraan yang dibayar kepada pekerja yang layak mengikut skim faedah persaraan kumpulan. Aset Dana dipegang secara berasingan untuk Syarikat oleh Pemegang Amanah dan liabiliti Dana ditentukan melalui kaedah faedah terakru yang dikira berdasarkan Liabiliti Perkhidmatan Terunjur untuk pekerja yang layak. Caruman bulanan maksimum yang dibenarkan cukai dibayar oleh Syarikat kepada Dana. Baki selebihnya dibayar oleh Syarikat ke dalam akaun khas PETRONAS sebagai peruntukan faedah persaraan.

Penilaian aktuari ke atas Dana dilakukan oleh aktuari bebas yang berkelayakan sekurang-kurangnya setiap tiga tahun. Penilaian terakhir dilakukan pada 31 Mac 2002 dan penilaian ini menunjukkan bahawa nilai boleh realisasi bersih aset Dana adalah cukup untuk menampung nilai faedah hak persaraan yang ditentukan oleh aktuari.

### **1.9 Pencukaian Tertunda**

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali apabila dijangkakan secara munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam jangka masa depan yang boleh ditentukan dan tidak terdapat tanda-tanda bahawa ia akan berubah sebaliknya selepas itu. Manfaat pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada jangka masa depan yang terdekat.

### **1.10 Tunai dan Dana Setara Tunai**

Tunai dan dana setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit dalam bank.

### **1.11 Hasil**

Hasil daripada penjualan produk petroleum diukur pada nilai muka ganjaran patut diterima dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindah milik kepada pembeli.

Hasil daripada perlaksanaan perkhidmatan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan nilai perkhidmatan yang dilaksanakan dan diinvois kepada pelanggan dalam tempoh kewangan.

### **1.12 Kos Pembiayaan**

Kos pembiayaan merupakan margin bahagian keuntungan ke atas kemudahan pinjaman Islam.

**2. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN**

<b>Kumpulan</b>	<b>Pada 1.4.2001 RM'000</b>	<b>Penjualan</b>				<b>Pada 31.3.2002 RM'000</b>
		<b>Tambahan RM'000</b>	<b>anak syarikat RM'000</b>	<b>Penjualan/ Hapuskira RM'000</b>	<b>Pindahan RM'000</b>	
Pada kos						
Tanah hak milik bebas	202,611	–	–	–	331	<b>202,942</b>
Tanah pegangan pajakan						
- jangka panjang	93,175	–	–	–	31	<b>93,206</b>
- jangka pendek	40,570	–	–	–	–	<b>40,570</b>
Bangunan	701,390	15	(2,336)	–	49,127	<b>748,196</b>
Pegangan pajakan dibaikpulih	826	–	–	–	–	<b>826</b>
Loji,mesin, tangki dan saluran paip	750,409	13,194	(51,230)	(23,818)	4,320	<b>692,875</b>
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	39,654	809	(2,055)	(78)	2,654	<b>40,984</b>
Kenderaan bermotor	30,212	460	–	(1,516)	–	<b>29,156</b>
Perkakasan dan perisian komputer	100,599	958	(417)	(1,682)	6,066	<b>105,524</b>
Projek dalam perlaksanaan	181,133	230,826	–	–	(62,529)	<b>349,430</b>
	2,140,579	246,262	(56,038)	(27,094)	–	<b>2,303,709</b>

<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Pada 1.4.2001 RM'000</b>	<b>Caj untuk tahun kewangan</b>		<b>Penjualan</b>		<b>Pada 31.3.2002 RM'000</b>
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>anak syarikat RM'000</b>	<b>Penjualan/ Hapuskira RM'000</b>	
Tanah hak milik bebas	–	–	–	–	–	–
Tanah pegangan pajakan						
- jangka panjang	10,744	1,269	–	–	–	<b>12,013</b>
- jangka pendek	13,798	1,356	–	–	–	<b>15,154</b>
Bangunan	248,688	35,519	(354)	–	–	<b>283,853</b>
Pegangan pajakan dibaikpulih	591	68	–	–	–	<b>659</b>
Loji,mesin, tangki dan saluran paip	346,554	47,182	(20,049)	(8,367)	–	<b>365,320</b>
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	20,442	3,263	(1,681)	(78)	–	<b>21,946</b>
Kenderaan bermotor	27,713	1,474	–	(1,190)	–	<b>27,997</b>
Perkakasan dan perisian komputer	43,741	22,131	(382)	(1,657)	–	<b>63,833</b>
Projek dalam perlaksanaan	–	–	–	–	–	–
	712,271	112,262	(22,466)	(11,292)	–	<b>790,775</b>

**2. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

<b>Kumpulan</b>	<b>Nilai Buku Bersih</b>		<b>Caj susut nilai bagi tahun berakhir 31.3.2001</b>		
	<b>31.3.2001</b>	<b>RM'000</b>			
	<b>31.3.2001</b>	<b>RM'000</b>			
Pada kos					
Tanah hak milik bebas	<b>202,942</b>	202,611	–		
Tanah pegangan pajakan					
- jangka panjang	<b>81,193</b>	82,431	1,247		
- jangka pendek	<b>25,416</b>	26,772	1,360		
Bangunan	<b>464,343</b>	452,702	33,737		
Pegangan pajakan dibaikpulih	<b>167</b>	235	68		
Loji,mesin, tangki dan saluran paip	<b>327,555</b>	403,855	49,726		
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	<b>19,038</b>	19,212	4,094		
Kenderaan bermotor	<b>1,159</b>	2,499	1,889		
Perkakasan dan perisian komputer	<b>41,691</b>	56,858	20,539		
Projek dalam perlaksanaan	<b>349,430</b>	181,133	–		
	<hr/>	<hr/>	<hr/>		
	<b>1,512,934</b>	1,428,308	112,660		
	<hr/>	<hr/>	<hr/>		
<b>Syarikat</b>	<b>Pada</b>	<b>Penjualan/</b>	<b>Pada</b>		
	<b>1.4.2001</b>	<b>Tambahan</b>	<b>Hapuskira</b>		
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>		
Pada kos					
Tanah hak milik bebas	202,611	–	331	<b>202,942</b>	
Tanah pegangan pajakan					
- jangka panjang	93,175	–	–	31	<b>93,206</b>
- jangka pendek	40,570	–	–	–	<b>40,570</b>
Bangunan	674,706	15	–	49,127	<b>723,848</b>
Pegangan pajakan dibaikpulih	826	–	–	–	<b>826</b>
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	542,859	12,636	(23,818)	4,320	<b>535,997</b>
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	34,894	809	(78)	2,654	<b>38,279</b>
Kenderaan bermotor	29,104	460	(1,516)	–	<b>28,048</b>
Perkakasan dan perisian komputer	94,214	932	(1,682)	6,066	<b>99,530</b>
Projek dalam perlaksanaan	183,095	230,221	–	(62,529)	<b>350,787</b>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	<b>1,896,054</b>	245,073	(27,094)	–	<b>2,114,033</b>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	

**2. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

<b>Susutnilai terkumpul</b>	<b>Caj untuk</b>	<b>Pada</b>	<b>tahun</b>	<b>Penjualan/</b>	<b>Pada</b>
	<b>1.4.2001</b>		<b>kewangan</b>	<b>Hapuskira</b>	
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tanah hak milik bebas	—	—	—	—	—
Tanah pegangan pajakan					
- jangka panjang	10,743	1,269	—	—	<b>12,012</b>
- jangka pendek	13,799	1,356	—	—	<b>15,155</b>
Bangunan	245,194	34,025	—	—	<b>279,219</b>
Pegangan pajakan dibaikpulih	591	68	—	—	<b>659</b>
Loji,mesin, tangki dan saluran paip	305,104	33,457	(8,367)	—	<b>330,194</b>
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	18,035	2,524	(78)	—	<b>20,481</b>
Kenderaan bermotor	27,030	1,197	(1,190)	—	<b>27,037</b>
Perkakasan dan perisian komputer	40,159	20,856	(1,657)	—	<b>59,358</b>
Projek dalam perlaksanaan	—	—	—	—	—
	660,655	94,752	(11,292)	—	<b>744,115</b>

<b>Syarikat</b>	<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>Caj susutnilai bagi tahun berakhir</b>	
		<b>31.3.2001</b>	<b>31.3.2001</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pada kos			
Tanah hak milik bebas	<b>202,942</b>	202,611	—
Tanah pegangan pajakan			
- jangka panjang	<b>81,194</b>	82,432	1,247
- jangka pendek	<b>25,415</b>	26,771	1,360
Bangunan	<b>444,629</b>	429,512	32,384
Pegangan pajakan dibaikpulih	<b>167</b>	235	68
Loji,mesin, tangki dan saluran paip	<b>205,803</b>	237,755	35,898
Peralatan,perabot dan kelengkapan pejabat	<b>17,798</b>	16,859	3,380
Kenderaan bermotor	<b>1,011</b>	2,074	1,633
Perkakasan dan perisian komputer	<b>40,172</b>	54,055	19,262
Projek dalam perlaksanaan	<b>350,787</b>	183,095	—
	—	—	—
	<b>1,369,918</b>	1,235,399	95,232

## 2. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

### Cagaran

Sebahagian harta, loji dan kelengkapan Kumpulan pada kos RM189,674,133 (2001 - RM188,484,587) telah dicagarkan untuk mendapat kemudahan pinjaman seperti tercatat di dalam Nota 17 kepada penyata kewangan.

Hakmilik bagi tanah hak milik bebas dan tanah pegangan pajakan tertentu adalah dalam proses pendaftaran atas nama Syarikat.

Tanah pegangan pajakan jangka panjang meliputi pajakan belum luput yang melebihi lima puluh tahun.

## 3. PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b>	<b>RM'000</b>
Saham tak disebutharga pada kos	59,475	66,475
Tolak: Peruntukan untuk pengurangan nilai	-	(7,000)
	<hr/>	<hr/>
	<b>59,475</b>	<b>59,475</b>
	<hr/>	<hr/>

Keterangan lanjut anak syarikat dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

## 4. PELABURAN DALAM SEKUTU

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b>	<b>RM'000</b>	<b>2001</b>	<b>RM'000</b>
Saham tak disebutharga pada kos	1,425	1,425	1,425	1,425
Bahagian rizab selepas pemerolehan	961	950	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<b>2,386</b>	2,375	<b>1,425</b>	1,425
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Diwakili oleh:				
Bahagian Kumpulan dalam aset bersih	<b>2,386</b>	2,375		
	<hr/>	<hr/>		

Keterangan lanjut sekutu dinyatakan dalam Nota 29 kepada penyata kewangan.

**5. BAYARAN BELUM TERIMA JANGKA PANJANG**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Bayaran belum terima jangka panjang terdiri daripada:				
Pembayaran terdahulu sewa tapak stesen	<b>124,844</b>	131,005	<b>124,844</b>	131,005

**6. INVENTORI**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Produk petroleum	<b>116,451</b>	139,205	<b>116,451</b>	139,205
Pelincir	<b>20,746</b>	16,894	<b>20,746</b>	16,894
Lain-lain	<b>402</b>	554	<b>302</b>	434
	<b>137,599</b>	156,653	<b>137,499</b>	156,533

**7. BAYARAN BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN**

	<b>Nota</b>	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
		<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>	<b>2001</b>
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Penghutang perdagangan		<b>649,480</b>	569,678	<b>647,699</b>	566,519
Tolak: Peruntukan hutang ragu		(29,772)	(14,410)	(29,772)	(14,410)
		<b>619,708</b>	555,268	<b>617,927</b>	552,109
Lain-lain bayaran belum terima, deposit dan pembayaran dahulu		<b>139,221</b>	465,234	<b>138,771</b>	464,824
Tolak: Peruntukan hutang ragu		(3,919)	(5,324)	(3,919)	(5,324)
		<b>135,302</b>	459,910	<b>134,852</b>	459,500
Amaun belum dibayar dari:					
Anak syarikat	9	—	—	—	58,692
Syarikat berkaitan	10	<b>51,970</b>	38,062	<b>51,970</b>	36,935
		<b>806,980</b>	1,053,240	<b>804,749</b>	1,107,236

Termasuk di dalam lain-lain bayaran belum terima Kumpulan dan Syarikat adalah amaun belum dibayar dari syarikat sekutu sebanyak RM806,000 (2001 - RM1,822,000).

**8. AMAUN BELUM DIBAYAR KEPADA SYARIKAT INDUK**

Amaun belum dibayar kepada syarikat induk timbul dalam urusan biasa perniagaan.

## 9. AMAUN BELUM DIBAYAR DARI/KEPADА ANAK SYARIKAT

Amaun belum dibayar dari/kepada anak syarikat timbul dalam urusan biasa perniagaan.

## 10. AMAUN BELUM DIBAYAR DARI/KEPADА SYARIKAT BERKAITAN

Amaun belum dibayar dari/kepada syarikat berkaitan timbul dalam urusan biasa perniagaan.

## 11. TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000
Tunai dan baki dalam bank	<b>83,025</b>	89,100	<b>82,541</b>	88,423
Deposit	<b>1,046,249</b>	409,462	<b>1,008,525</b>	382,917
	<b>1,129,274</b>	498,562	<b>1,091,066</b>	471,340
Deposit ditempatkan di:				
Bank berlesen	<b>895,278</b>	371,012	<b>860,215</b>	345,473
Syarikat kewangan	<b>148,310</b>	37,444	<b>148,310</b>	37,444
Syarikat kewangan diskaun	<b>2,661</b>	1,006	-	-
	<b>1,046,249</b>	409,462	<b>1,008,525</b>	382,917

## 12. LAIN-LAIN BAYARAN BELUM DIJELAS

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000
Lain-lain bayaran belum dijelas	<b>415,236</b>	429,228	<b>375,373</b>	391,885
Amaun belum dibayar kepada:				
Syarikat induk	8 <b>21,844</b>	30,896	<b>21,844</b>	30,896
Anak syarikat	9 -	-	<b>1,361</b>	-
Syarikat berkaitan	10 <b>775,561</b>	608,057	<b>775,561</b>	608,057
	<b>1,212,641</b>	1,068,181	<b>1,174,139</b>	1,030,838

Termasuk di dalam lain-lain bayaran belum dijelas adalah RM1,513,000 (2001 - Tiada) amaun belum dibayar kepada sekutu.

**13. MODAL SAHAM**

	Kumpulan dan Syarikat 2001 RM'000	RM'000
Saham biasa RM1.00 setiap satu		
Dibenarkan	<b>1,000,000</b>	1,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh	<b>496,727</b>	496,727

**14. RIZAB**

	Kumpulan 2001 RM'000	Syarikat 2001 RM'000
Tidak boleh diagihkan:		
Premium saham	<b>213,708</b>	213,708
Boleh diagihkan:		
Keuntungan belum diagihkan		
Baki pada 1 April	<b>1,161,456</b>	861,278
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<b>459,778</b>	389,589
Dividen	<b>(143,058)</b>	(89,411)
Baki pada 31 Mac	<b>1,478,176</b>	1,161,456
	<b>1,691,884</b>	1,375,164
	<b>1,476,004</b>	1,180,282
	<b>1,689,712</b>	1,393,990

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai pendapatan kredit cukai di bawah Seksyen 108 dan pendapatan dikecualikan cukai untuk mengagihkan semua rizab boleh agih pada 31 Mac 2002 sekiranya dibayar sebagai dividen.

**15. KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI**

Ini terdiri daripada bahagian modal saham pemegang saham minoriti dan rizab dalam anak syarikat.

## 16. PINJAMAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000
<i>Semasa</i>				
Kemudahan pinjaman Islam - bercagar				
Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil	7,478	6,897	-	-
<i>Bukan semasa</i>				
Kemudahan pinjaman Islam - bercagar				
Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil	42,666	49,650	-	-
<i>Tempoh dan jadual pembayaran balik pinjaman</i>				
	Kurang daripada Jumlah RM'000	1 - 2 tahun RM'000	2 - 5 tahun RM'000	Lebih daripada 5 tahun RM'000
Kemudahan Pinjaman Islam Bercagar - Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil	50,144	7,478	8,149	29,198
				5,319

## 17. KEMUDAHAN PINJAMAN ISLAM

Kumpulan telah mengambil Kemudahan Pinjaman Islam yang berikut:

### Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil

Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil sebanyak RM60,200,000 perlu dibayar balik menerusi 28 ansuran suku tahunan sebanyak RM3,423,064 setiap ansuran mulai daripada 1 September 2000 (termasuk margin bahagian keuntungan sebanyak 8.8% setahun). Kemudahan ini dicagar melalui sandaran tetap dan sandaran terapung ke atas harta, loji dan kelengkapan yang dibiayai. Nilai buku bersih pada 31 Mac 2002 bagi aset yang dicagarkan ialah RM143,015,610 (2001 - RM154,327,097). Pinjaman yang tertunggak pada akhir tahun berjumlah RM50,143,799 (2001 - RM56,547,434).

## **17. KEMUDAHAN PINJAMAN ISLAM (SAMBUNGAN)**

Berhubung dengan kemudahan pinjaman jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil, anak syarikat telah bersetuju mengikat perjanjian penting dengan peminjam seperti berikut:-

- (i) Anak syarikat tidak akan, tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada ejen yang memberikan kemudahan pinjaman:-
  - (a) menyebabkan, mengambil alih, menjamin atau membenarkan wujudnya keber hutangan oleh anak syarikat melainkan yang dibenarkan dalam perjanjian kemudahan pinjaman; atau membenarkan sebarang bebanan (kecuali yang dibenarkan) oleh anak syarikat untuk diperoleh, atau diterbit atau dicipta atau ditambahkan kepada urusannya sekarang atau yang akan datang, aset, hak atau perolehan, untuk menjamin atau memberi keutamaan kepada keber hutangan oleh anak syarikat tersebut atau orang lain kini atau yang akan datang;
  - (b) mengubah perniagaan anak syarikat tersebut kepada perniagaan tidak berkaitan atau menjual aset yang berkaitan dengan perniagaan kecuali dalam urusan perniagaan biasa dan untuk nilai pasaran saksama tidak melebihi RM1 juta bagi sesuatu aset;
  - (c) bersatu atau bergabung dengan orang perseorangan, firma atau syarikat atau memperoleh kesemua atau sebahagian besar aset atau stok, atau menyertai sebarang perkongsian, perjanjian pembahagian untung atau royalti atau sebarang perjanjian yang seakan dengannya kecuali yang dibenarkan dalam perjanjian kemudahan pinjaman;
  - (d) membuat sebarang pinjaman atau pelaburan melainkan pelaburan yang diterima oleh ejen projek, atau untuk memberi sebarang jaminan (kecuali dalam urusan perniagaan biasa dan jumlah jaminan tersebut tidak melebihi RM5 juta) atau memberi sebarang kredit kepada atau untuk faedah pemegang saham atau anak syarikat, syarikat induk, sekutu atau gabungan atau para pengarah syarikat-syarikat tersebut.
- (ii) Tiada jualan atau pindah milik saham atau faedah pemilikan lain ke atas anak syarikat yang patut berlaku melainkan jualan tersebut atau pindah milik saham atau faedah pemilikan lain dalam anak syarikat dibuat bagi mematuhi arahan kerajaan.
- (iii) Memperoleh/mengekalkan ekuiti tidak kurang RM5 juta sebagai saham yang diterbitkan dan berbayar penuh dalam anak syarikat tersebut serta mengekalkan nisbah pinjaman ke atas ekuiti dengan kadar tidak melebihi 57 : 43.

**18. KEUNTUNGAN OPERASI**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b> <b>RM'000</b>	<b>2001</b> <b>RM'000</b>	<b>2001</b> <b>RM'000</b>	<b>2001</b> <b>RM'000</b>
Hasil				
- jualan produk petroleum	<b>7,329,428</b>	6,372,308	<b>7,339,749</b>	6,370,679
- perkhidmatan yang dilaksanakan	<b>14,010</b>	15,471	<b>-</b>	-
	<b>7,343,438</b>	6,387,779	<b>7,339,749</b>	6,370,679
Kos hasil				
- pembelian produk petroleum	<b>(6,172,255)</b>	(5,375,604)	<b>(6,201,256)</b>	(5,391,121)
Keuntungan kasar	<b>1,171,183</b>	1,012,175	<b>1,138,493</b>	979,558
Belanja penjualan dan pengedaran	<b>(127,792)</b>	(118,344)	<b>(127,792)</b>	(118,344)
Belanja pentadbiran	<b>(437,723)</b>	(374,228)	<b>(405,570)</b>	(342,289)
Lain-lain pendapatan operasi	<b>55,054</b>	38,583	<b>28,853</b>	37,679
Keuntungan operasi	<b>660,722</b>	558,186	<b>633,984</b>	556,604
Keuntungan operasi diperolehi selepas mengambil kira:				
Yuran audit	<b>183</b>	191	<b>170</b>	165
Yuran bukan audit dibayar kepada juruaudit luaran	<b>616</b>	109	<b>611</b>	109
Peruntukan hutang ragu	<b>15,362</b>	5,347	<b>15,362</b>	5,347
Susutnilai harta, loji dan kelengkapan	<b>112,262</b>	112,660	<b>94,752</b>	95,232
Sewa tanah dan bangunan	<b>35,445</b>	37,777	<b>28,060</b>	28,910
Sewa loji dan kelengkapan	<b>1,403</b>	1,422	<b>1,400</b>	1,387
Yuran kepada syarikat induk untuk perkhidmatan pengarah eksekutif	<b>736</b>	736	<b>736</b>	736
Ganjaran para pengarah bukan eksekutif:				
Yuran	<b>314</b>	226	<b>314</b>	226
Hapuskira perbelanjaan dihantar ke hadapan	<b>-</b>	10	<b>-</b>	-
Harta, loji dan kelengkapan dibelanjakan	<b>5,385</b>	6,586	<b>5,385</b>	6,586
Harta, loji dan kelengkapan dihapuskira	<b>15,462</b>	-	<b>15,462</b>	-
Kerugian di atas penjualan harta,loji dan kelengkapan	<b>92</b>	-	<b>92</b>	-
Caruman untuk faedah persaraan	<b>4,105</b>	3,471	<b>4,105</b>	3,471

**18. KEUNTUNGAN OPERASI (SAMBUNGAN)**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000
Dan selepas mengkreditkan:-				
Keuntungan di atas penjualan harta,loji dan kelengkapan	–	31,716	–	31,716
Pendapatan sewa ke atas premis	<b>1,983</b>	1,384	<b>1,765</b>	1,384
Pendapatan faedah - deposit	<b>17,019</b>	8,763	<b>15,992</b>	7,932
Pendapatan dividen dari sekutu tak disebutharga	–	–	<b>101</b>	–
Keuntungan di atas penjualan anak syarikat (Nota 24)	<b>29,450</b>	–	<b>4,179</b>	–
	_____	_____	_____	_____

Anggaran nilai faedah bukan dalam bentuk kewangan bagi pengarah eksekutif berjumlah RM38,821 (2001 - RM16,000) merupakan faedah bukan dalam bentuk kewangan yang diterima sepanjang tahun.

**19. MAKLUMAT KAKITANGAN**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000
Kos kakitangan	<b>92,122</b>	84,160	<b>92,122</b>	84,160
	_____	_____	_____	_____

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat (termasuk para pengarah) pada akhir tahun ialah 1,324 (2001 - 1,293).

**20. KOS PEMBIAYAAN**

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2001</b> RM'000	<b>2001</b> RM'000
Margin bahagian keuntungan		
Kemudahan pinjaman Islam		
Kemudahan pinjaman tanpa faedah jangka panjang Al Bai'bithaman Ajil	<b>4,814</b>	<b>5,654</b>
	_____	_____

## 21. BELANJA CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000
Belanja cukai semasa				
Tahun semasa	<b>203,584</b>	166,599	<b>203,296</b>	166,366
Belanja/(manfaat) cukai tertunda				
Tahun semasa	(8,092)	(3,581)	(8,092)	(4,039)
Belanja cukai ke atas bahagian keuntungan sekutu	<b>51</b>	35	-	-
	<b>195,543</b>	163,053	<b>195,204</b>	162,327

Kadar cukai efektif bagi Kumpulan dan Syarikat adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun kerana terdapat perbelanjaan tertentu yang tidak dibenarkan untuk ditolak bagi tujuan cukai.

## 22. DIVIDEN

	Kumpulan dan Syarikat	
	2001 RM'000	2001 RM'000
Dividen interim 15% ditolak cukai pada 28% (2001 - 10% tolak cukai pada 28%)	<b>53,647</b>	35,764
Dividen akhir dicadangkan 15% ditolak cukai pada 28% (2001 - 15% tolak cukai pada 28%)	<b>53,647</b>	53,647
Dividen khas dicadangkan 10% ditolak cukai pada 28% (2001 - Tiada)	<b>35,764</b>	-
	<b>143,058</b>	89,411

## 23. PENDAPATAN SESAHAM BIASA - KUMPULAN

*Pendapatan atas sesaham*

Pendapatan sesaham dikira berdasarkan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham biasa sebanyak RM459,778,000 (2001 - RM389,589,000) dan dengan berasaskan bilangan purata berwajaran saham biasa bagi tahun semasa sebanyak 496,727,000 (2001 - 496,727,000).

#### **24. PENJUALAN ANAK SYARIKAT**

